

OPERASI GEMPUR BIL 6/2023 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

19 Jun 2023, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah selesai menjalankan Ops Gempur Bil 6/2023 ke atas premis-premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) dan premis-premis yang ditetapkan (PYDT) daripada 14 hingga 15 Jun 2023.

Operasi bersepadu ini dianggotai seramai 14 anggota penguatkuasa dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dimana sebanyak 12 premis telah diperiksa yang membawa kepada 12 Arahan di Lapangan, 18 Tawaran Kompaun, 4 penyediaan kertas siasatan bagi Izin Mengkompaun, dan 5 Notis Arahan telah diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di atas pelanggaran Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Orang awam diminta untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama